



PARLIMEN MALAYSIA



RANG UNDANG-UNDANG

**Duti Kastam (Pulau Pinang) (Melepaskan Tanggongan)
1968**

DR.31/1968

RANG UNDANG²

bernama

Suatu Act bagi melepaskan tanggungan Kerajaan Persekutuan dan pegawai²-nya yang tertentu berkenaan dengan duti impot yang tertentu yang di-kenakan dan di-pungut dalam Negeri Pulau Pinang dalam tempoh mulaï dari pukul empat petang pada 18 haribulan Januari, 1968 hingga 13 haribulan Jun, 1968.

[]

MAKA INI-LAH DI-PERBUAT UNDANG² oleh Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong dengan nasihat dan persetujuan Dewan Negara dan Dewan Ra'ayat yang bersidang dalam Parlimen, dan dengan kuasa daripada-nya, saperti berikut :

1. Act ini boleh-lah di-namakan Act Duti Kastam (Pulau Pinang) (Melepaskan Tanggungan), 1968 dan hendak-lah di-sifatkan sa-bagai telah mula berkuatkuasa pada 13 haribulan Jun, 1968.

Tajok ringkas dan mula berkuatkuasa.

2. (1) Walau apa pun peruntokan Ordinance Kastam, 1952 (telah di-mansokhkan) dan Act Kastam, 1967, Duti Kastam yang di-kenakan dan di-pungut di-Pulau Pinang dalam tempoh mulaï dari pukul empat petang pada 18 haribulan Januari, 1968 hingga 13 haribulan Jun, 1968 dan yang di-katakan sa-bagai di-kenakan dan di-pungut di-bawah kuasa Perintah Duti Kastam (Pulau Pinang), 1967 sa-bagaimana yang di-pinda dari sa-masa ka-samasa dan Perintah (Pindaan) Duti Kastam, 1968 hendak-lah di-sifatkan sa-bagai telah di-kenakan dan di-pungut dengan sah-nya.

Melepaskan Tanggungan. N.T.M. 42 tahun 1952. No. 62 tahun 1967.

P.U. 37/67.
P.U. 216/67.
P.U. 471/67.
P.U. 11/68.
P.U. 14/68.
P.U. 80/68.
P.U. 110/68.
P.U. 132/68.
P.U. 207/68.
P.U. 12/68.

(2) Tiada-lah apa² jua tindakan atau langkah pembicharaan di-sisi undang² boleh di-bawa, di-mula atau di-teruskan terhadap Kerajaan Persekutuan atau mana² pegawai Kerajaan atau mana² orang yang bertindak di-bawah-nya atau mana² satu daripada-nya berkenaan dengan duti kastam yang di-kenakan atau di-pungut jika duti kastam itu di-katakan sa-bagai di-kenakan atau di-pungut menurut kuasa perintah² duti kastam yang di-nyatakan dalam sekshen-kechil (1); dan jika mana² tindakan atau langkah pembicharaan di-sisi undang² telah di-bawa, di-mula, dan di-teruskan maka ia hendak-lah di-lepaskan dan

menjadi terbatal dan tiada-lah apa² pemulangan balek berkenaan dengan duti kastam yang di-kenakan atau di-pungut sa-bagaimana yang tersebut di-atas itu boleh di-buat.

HURAIAN

Oleh kerana chara rujokan dalam Perintah Duti Kastam (Pulau Pinang), 1967 (P.U. 37/67) sa-bagaimana yang di-pinda dari sa-masa ka-samasa itu maka timbul-lah waswas sama ada kadar² tambahan yang tertentu mengenai duti impot yang di-nyatakan dalam Perintah (Pindaan) Duti Kastam, 1968 (P.U. 12/68) boleh di-pakai bagi Pulau Pinang atau tidak. Rang Undang² ini hanya bermaksud untok mengesahkan bahawa segala duti impot yang di-pungut dalam tempoh mulai dari pukul empat petang pada 18 haribulan Januari, 1968 hingga 13 haribulan Jun, 1968 ada-lah di-kenakan dan di-pungut dengan sah-nya di-sisi undang² bagi barang² yang di-nyatakan dalam Perintah² Pulau Pinang saperti yang tersebut di-atas. Perintah Duti Kastam baharu yang meminda P.U. 12/68 telah di-terbitkan dalam *Warta* pada 13hb Jun, 1968.

[AG. 1367/15.]

